

19 FEB 2003

HSBC-PAMERAN/I

HSBC PERKENAL PERKHIDMATAN PERBANKAN DI PAMERAN SHOWCASE MALAYSIA 2003

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- HSBC Bank Malaysia Bhd, satu-satunya bank asing yang mengambil bahagian dalam Showcase Malaysia 2003, akan memperkenalkan pelbagai produk kewangan dan perkhidmatannya di pameran perdagangan tersebut.

Ianya termasuklah perbankan korporat, pakej khas bagi industri kecil dan sederhana (IKS), perbankan Islam, perkhidmatan perdagangan, pembayaran dan pengurusan tunai, perbankan telefon dan internet dan perkhidmatan kewangan peribadi seperti kad kredit dan pinjaman perumahan, kata HSBC Bank dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Pameran Showcase Malaysia, yang bermula semalam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan berakhir pada 26 Feb ini dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bersempena dengan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13.

Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Zarir J Cama berkata dengan kehadiran 81 negara, HSBC kemungkinan wakil institusi perkhidmatan terbaik di negara-negara NAM.

"Kami komited ke arah pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di negara-negara tersebut. Dengan rangkaian dan kepakaran global kami, kami boleh membantu perniagaan mereka untuk meneroka ke luar negara," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, kira-kira 400 delegasi dari negara-negara NAM dijangka menghadiri Forum Perniagaan NAM bagi Kerjasama Selatan-Selatan yang dianjurkan oleh Institut Kepimpinan Strategik Asia pada 23 dan 24 Feb yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

HSBC menyatakan bahawa ia merupakan satu daripada rakan kongsi acara forum itu. -- BERNAMA

ZZA FR ZK